

## EKOSISTEM KEUSAHAWANAN DI MALAYSIA

\*<sup>1</sup>Nur Farah Syazana Binti Noor Hammad, <sup>2</sup>Siti Sarah Binti Zainuri, & <sup>3</sup>Muhammad Razihan Bin Mohd Radzi

<sup>1, 2, 3,4,5</sup>Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, UiTM Seremban 3, Negeri Sembilan, Malaysia

\*Corresponding author's email: sarahzainuri12@gmail.com

### 1. PENGENALAN

Kami merupakan pelajar daripada program Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Alam Sekitar ingin memperkenalkan sebuah buku nota digital yang bertajuk “Ekosistem Keusahawanan di Malaysia”, di mana ianya merupakan sebuah buku atas talian yang juga dikenali sebagai e-note. Ia digunakan bagi mengklasifikasikan buku-buku berformat digital. Ia direka bagi membantu orang ramai yang mahu memulakan perniagaan sendiri secara kecil-kecilan sewaktu wabak Covid-19 yang telah berlaku sekarang ini dan menyebabkan ramai warga kehilangan kerja. Perniagaan kecil-kecilan ini sedikit sebanyak dapat membantu orang ramai yang dalam kesempitan untuk memenuhi keperluan asas mereka sekurangnya. Oleh yang demikian, kami mencipta sebuah buku nota digital yang ringkas, mudah dan menarik ini dalam bentuk E-note. Selain daripada faedah yang dapat diberikan kepada individu yang ingin memulakan bisnes, E-note dapat menyelamatkan bumi dan mengurangkan masalah pencemaran alam sekitar. Ianya dapat mengurangkan jumlah pencemaran udara dan pembalakan pokok yang semakin berleluasa ketika ini. Produk yang kami hasilkan ini dapat mengurangkan pencemaran alam sekitar daripada pengurangan aktiviti penebangan pokok. Oleh itu, kami berharap agar E-note ini dapat memberikan maklumat dan berkongsi informasi serta ilmu baru kepada peniaga baru di luar sana serta menyelamatkan alam sekitar.

### 2. OBJEKTIF

Buku yang diciptakan ini bertajuk “Ekosistem Keusahawanan di Malaysia”. Objektif pembuatan buku ini adalah supaya dapat membantu pemula bisnes untuk memulakan langkah mereka dalam bidang bisnes dengan menerangkan ekosistem keusahawanan yang wujud di dalam Malaysia serta segala maklumat yang perlu diketahui untuk memulakan perniagaan. E-note ini sesuai bagi semua lapisan masyarakat seperti para pemula bisnes, pensyarah dan guru-guru juga boleh menggunakan untuk dijadikan sebagai bahan untuk mengajar begitu juga dengan MASMED serta Exco Keusahawanan. Selain daripada itu, objektif buku ini adalah untuk mengurangkan pencemaran udara melalui pengurangan penggunaan kertas dan penebangan pokok. Hal ini dapat mengurangkan penipisan lapisan ozon yang terjadi akibat bahan-bahan toksik yang telah dibenarkan ke udara Pada zaman yang canggih teknologinya, pencemaran alam sekitar yang berpunca daripada penebangan pokok-pokok amatlah drastik dan sangat membimbangkan. Oleh itu, penciptaan buku ini secara digital dapat mencegah serta mampu mengatasi masalah-masalah tersebut daripada berleluasa. Seterusnya, E-note ini sangat menarik untuk dibaca dan difahami kerana menggunakan warna yang ceria dan susunan yang kemas. Ianya juga diisi dengan maklumat yang sangat ringkas tetapi mudah difahami. E-note ini memberikan panduan kepada perusahaan kecil untuk memenuhi keperluan perniagaan mereka.

### 3. APLIKASI

Pelbagai maklumat yang disampaikan di dalamnya antaranya tentang program-program capaian dan kesedaran yang dapat dijadikan panduan dan ikutan oleh peniaga kecil untuk mengusahakan perniagaan mereka. E-note ini menyediakan cara untuk pendaftaran dan perlesenan perniagaan yang perlu diikuti oleh perusahaan kecil sebelum dan semasa menjalankan perniagaan. Ia juga menggariskan platform untuk pembangunan dalam ekosistem perusahaan di Malaysia yang dapat membantu dalam pembangunan

modal insan setiap perusahaan. E-note ini juga telah menyenaraikan pusat-pusat pencarian maklumat di Malaysia dan Skim Jaminan dan Pembiayaan bagi membantu perusahaan-perusahaan kecil yang memerlukan bantuan pinjaman. Impaknya, seseorang yang baru berjinak-jinak untuk memasuki dunia perniagaan dapat menimba ilmu pengetahuan yang baru serta iaanya boleh dijadikan panduan kepada mereka dan para pelajar yang mengambil bidang perniagaan.

Buku digital ini dapat dibeli dan digunakan melalui pengimbasan QR kod. QR kod merupakan kod yang boleh dibaca mesin yang terdiri daripada pelbagai kotak hitam dan putih, yang biasanya digunakan untuk menyimpan URL atau maklumat lain untuk dibaca oleh kamera pada telefon pintar. (QR Code, 2013) Penggunaannya sangat mudah dan cepat untuk digunakan oleh semua orang pada bila-bila masa tanpa sebarang halangan. E-note ini juga mempunyai pelbagai corak yang dapat menarik minat penggunanya apabila membaca. Hal ini kerana ianya penuh dengan isi-isi penting yang ringkas, padat dan mudah difahami. Gambar rajah dibawah merupakan gambar yang diambil hasil daripada penciptaan buku digital ini.



3.1. Gambar Rajah 1

#### 4. KOMERSIALISME

Pada zaman yang serba canggih dengan teknologi ini, kami dapat bahawa penciptaan buku digital atau E-note ini sangat penting kerana ianya dapat membantu ramai golongan masyarakat yang ingin memulakan perniagaan kecil. Ianya dapat digunakan oleh pebagai lapisan masyarakat termasuklah para pensyarah yang mengajar subjek perniagaan dan peajar-pelajar sekolah menengah mahupun universiti yang mengambil subjek atau jurusan perniagaan. Pensyarah-pensyarah yang mengajar subjek perniagaan dan keusahawan di UiTM contohnya ialah subjek ENT. E-note ini akan dijual dengan harga yang murah oleh kerana target pembelian termasuklah pelajar yang rata-rata mempunyai sumber wang yang terhad. Ianya mempunyai banyak manfaat dan berpotensi untuk dikomersialkan kerana ianya boleh digunakan oleh semua orang tanpa mengira umur, masa dan tempat.

#### 5. PENUTUP

Kesimpulannya, dengan perlaksanaan projek E-note "Ekosistem Keusahawan di Malaysia ini, ia akan dapat memberi pelbagai manfaat dan kebaikan kepada para perusahaan, masyarakat serta pelajar di luar sana. Kami mengharapkan agar ianya mendapat sokongan daripada pelbagai pihak. Hal ini kerana, E-note ini sebenarnya merupakan panduan ringkas yang dapat membantu orang ramai yang ingin memulakan perniagaan berikutkan waktu pandemik sekarang ini. Dengan isi yang ringkas dan padat serta harga yang berpatutan, kami yakin ramai yang akan mendapat manfaat daripadanya. Oleh yang demikian, harapnya projek yang kami cipta ini mendapat sambutan dan sokongan yang amat mengalakkkan serta dapat dicapai dengan jayanya.

## RUJUKAN

- Wikipedia*. (n.d.). Retrieved from [https://en.wikipedia.org/wiki/QR\\_code](https://en.wikipedia.org/wiki/QR_code)
- Qr Code*. (2013, January 29). Retrieved from Wikipedia: [https://en.wikipedia.org/wiki/QR\\_code](https://en.wikipedia.org/wiki/QR_code)
- Makna E-Book (Apakah Konsep dan Definisi). Retrieved from <https://ms.encyclopedia-titanica.com/significado-de-ebook> (September 10, 2021)